



MAHKAMAH TINGGI MALAYA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR
HIGH COURT OF MALAYA

Telefon : K.L. 26939011
Teleks : HAKIM MA 33548
Fax : 03-26944594

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (9)PMT/UU/4/1

Tarikh: 6 Ogos 2002

Kepada:

Pegawai Penyelidik / Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Tuan/Puan,

PER: KAWALAN FAIL ASAL



Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya telah di arahkan oleh Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa dari perhatian Y.A.A didapati terdapat keadaan di mana Y.A Hakim Mahkamah Tinggi yang diarahkan bertukar telah membawa bersama fail asal kes-kes yang didengarnya untuk tujuan membuat keputusan atau menyedia alasan penghakiman. Amalan ini boleh menimbulkan masalah seperti kehilangan fail.


3. Bagi mengelak masalah yang mungkin timbul Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya, mengarahkan agar semua fail asal kes hendaklah disimpan di mahkamah yang berkenaan. Y.A Hakim yang akan bertukar bolehlah dibekalkan dengan salinan-salinan dokumen yang diperlukan untuk tujuan penyediaan alasan penghakiman atau untuk membuat keputusan.

4. Arahan ini berkuat kuasa serta merta. Sekiranya terdapat kes-kes tertentu dimana peraturan di atas tidak dapat dipatuhi, pihak tuan / puan dikehendaki menulis kepada Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya untuk pengecualian dari mematuhi arahan ini.

Sekian. Terima kasih.


'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(MOHAMAD ZABIDIN BIN MOHD DIAH)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya,
Mahkamah Persekutuan,
KUALA LUMPUR.

Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
KUALA LUMPUR.

Pegawai Undang-Undang 1,
Bahagian Penyelidikan,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
KUALA LUMPUR.



Pustakawan,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
KUALA LUMPUR.